

Islam agama sejagat untuk semua bangsa



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

masyarakat Cina Muslim meraikan sambutan Tahun Baru Cina? Oleh kerana sambutan ini bukan berunsur keagamaan, maka masyarakat Cina Muslim dapat bersama-sama meraikannya bersama keluarga masing-masing.

Di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan antara saudara-mara, mereka boleh terus mengekalkan adat dan budaya yang sebatil dalam diri mereka. Tidak salah bagi seorang Cina Muslim untuk meraikan sambutan ini bersama ahli keluarga bukan Islam.

Hal ini dapat menunjukkan Islam mengutamakan ikatan kekeluargaan serta tidak memisahkan hubungan anak dan ibu bapa walaupun sudah menjadi seorang Muslim.

Di samping itu,

kebersamaan Cina Muslim dalam menyambut perayaan ini bersama ahli keluarga yang tidak beragama Islam boleh memperbetulkan salah tanggapan masyarakat Cina yang tidak beragama Islam iaitu masuk Islam bukan masuk Melayu.

Penyataan 'masuk Islam masuk Melayu' adalah sangat tidak berasas. Hal ini kerana kedatangan Islam ke China adalah seawal tahun 651 melalui kedatangan Saad bin Abi Waqqas RA. Malah, masyarakat Muslim di China sendiri lebih ramai daripada populasi keseluruhan penduduk Malaysia.

Dalam meraikan Tahun Baru Cina, masyarakat Cina Muslim tidak dibolehkan untuk melakukan ritual keagamaan seperti dipraktikkan mereka yang menganuti Buddha dan Tao.

Cina Muslim perlu menjadi contoh yang baik supaya dapat menunjukkan Islam adalah agama sejagat dan sesuai untuk semua bangsa.

Bagi merealisasikan tujuan ini, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) menganjurkan rumah terbuka meraikan Tahun Baru Cina melalui semua cawangannya di seluruh negara. Masyarakat Cina yang bukan Islam juga dijemput hadir ke program itu.

Mereka kagum dan terpegun apabila melihat masyarakat Cina Muslim mengamalkan budaya Cina walaupun memeluk Islam. Di samping itu, mereka dapat melihat dan memahami keindahan Islam sebagai satu agama yang meraikan kepelbagaian budaya dan bangsa.

Beberapa pihak daripada

jabatan agama negeri seperti dari Terengganu, Perak dan Negeri Sembilan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberikan kerjasama yang sangat baik serta bersama-sama dalam penganjurannya. Turut membantu ialah Majlis Perbandaran Muar dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Antara impak melalui program berkenaan ialah:

- Memperkenalkan konsep hidup masyarakat Islam yang menghormati dan menerima kepelbagaian agama dan budaya.

Keindahan Islam dapat ditonjolkan sebagai satu cara hidup yang sangat praktikal untuk semua bangsa.

Masyarakat Cina Muslim dapat meraikan sambutan Tahun Baru Cina dengan

adik-beradik, saudara-mara dan sahabat taulan mereka yang bukan Muslim.

- Menggalakkan toleransi antara bangsa dan agama dalam masyarakat Malaysia yang majmuk.

- Menyuburkan sikap saling memahami serta menghormati budaya dan amalan agama masing-masing.

MACMA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi yang memberikan kerjasama baik dalam penganjurannya dan berharap sokongan berterusan untuk tahun seterusnya bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang dapat hidup dalam suasana harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Penulis ialah Presiden MACMA dan profesor di UPM

Sambutan Tahun Baru Cina berakhir pada hari ke-15 atau lebih dikenali sebagai Chap Goh Mei yang bermaksud malam ke-15.

Sebagai tanda berakhirnya perayaan itu, ahli keluarga berkumpul bersama-sama untuk makan malam seperti 'makan besar' yang diadakan sebelum hari pertama.

Makan malam ini diadakan sebelum semua ahli keluarga pulang ke tempat masing-masing untuk meneruskan kehidupan mereka.

Bagaimana pula